

HARI :

TARIKH :

SALIN NOTA INI DI DALAM BUKU NOTA


7.2 Tamadun China

1. Terletak di Lembah Sungai Huang He.
2. Menjadi pusat kerajaan untuk;
 - (a) Dinasti Qin
 - (b) Dinasti Han
3. Dinasti Qin wujud antara tahun 221 SM – 206 SM dan berpusat di Xianyang.
4. Rajanya, iaitu Raja Zheng menggunakan gelaran Maharaja Shi Huangdi dan berjaya menyatukan China.
5. Kerajaannya meliputi wilayah utara hingga ke Gurun Gobi dan selatan China bersempadan Vietnam.
6. Digantikan oleh Dinasti Han.
7. Menguasai China antara tahun 206 SM – 220 M.
8. Pengasasnya ialah Liu Bang yang menggunakan gelaran Maharaja Gaozu.
9. Berjaya menguasai utara China, sempadan Vietnam di selatan dan utara Korea di sebelah timur serta Turkestan di bahagian barat.
10. Pembukaan Laluan Sutera membolehkannya maju dalam bidang perdagangan.



Matlamat sistem pendidikan tamadun china

Tahap Sistem Pendidikan Tamadun China



Ciri-ciri Peperiksaan Awam

1. Sangat kompetitif.
2. Hanya untuk kaum lelaki tanpa mengira latar belakang dan status sosial.
3. Mengekalkan tradisi dan budaya China.
4. Larangan untuk melakukan sebarang bentuk perubahan.
5. Diadakan dalam tiga tahap iaitu:
 - (a) Tahap pertama di adakan di peringkat daerah sebanyak dua kali dalam tiga tahun.
 - (b) Tahap kedua diadakan di ibu kota daerah sebanyak tiga tahun sekali.
 - (c) Tahap ketiga diadakan di ibu kota kerajaan sebanyak tiga tahun sekali.